

# BAB 4: AGAMA, KEPERCAYAAN DAN KEUNIKAN WARISAN MASYARAKAT KERAJAAN ALAM MELAYU

## 4.1 Agama dan Kepercayaan



### Kepercayaan Awal

#### ANIMISME

- kepercayaan bahwa makhluk, hidupan dan tumbuhan memiliki roh atau semangat.
- Kepercayaan terhadap makhluk halus dan penyembahan roh nenek moyang

#### DINAMISME

- kepercayaan terhadap kekuatan = mana atau semangat.
- benda atau makhluk dianggap mempunyai mana yang mempengaruhi kehidupan seseorang



# PERKEMBANGAN AGAMA



- Agama Hindu dan Buddha tersebar sejak abad pertama
- Raja Funan, Fan Shih-man berperanan besar dalam perkembangan agama Buddha.
- Candi Budhha tinggalan kerajaan Funan= candi Go Cay Thi

## Kerajaan Funan

## Kerajaan Angkor

- Agama Hindu menjadi anutan utama sejak kerajaan diasaskan dan menjadi gemilang semasa pemerintahan Suryavarman II.
- Candi Hindu termasyhur ialah Angkor Wat.
- semasa pemerintahan Jayavarman VII pada abad ke-12, agama Buddha menjadi agama utama.



- Agama Hindu tersebar sejak abad ke-4 ketika pemerintahan Bhadravarman.
- Beliau mendirikan candi Hindu di Lembah Mi Son/ Siva-Bhadresvara dan di Po Nagar.
- Candi Dong Duong ialah bukti penyebaran agama Buddha di Champa.
- Islam tersebar luas semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin pada abad ke-14

## Kerajaan Champa

## Kerajaan Srivijaya

- Merupakan pusat kegiatan agama Buddha sejak abad ke-7.
- Pendeta Buddha bernama I-Tsing dari China pernah datang ke Srivijaya untuk mempelajari bahasa Sanskrit dan menterjemahkan kitab-kitab agama Buddha.
- Antara candi Buddha yang masyhur termasuklah Candi Muara Jambi, Candi Bahal, dan Candi Muara Takus.



- Agama Hindu dan Buddha berkembang serentak.
- Hayam Wuruk menyatukan aliran dalam agama Hindu dan Buddha pada abad ke-14 dipanggil Tripaksa.
- Antara candi yang masyhur termasuklah Candi Jabong, Candi Sukuh dan Candi Brahu.
- Agama Islam tersebar sejak abad ke-14. Buktinya, Wu Ping, pegawai kerajaan Ming beragama Islam dilantik sebagai wakil tetap.

## Kerajaan Majapahit

## Kerajaan Kedah Tua

- Agama Buddha menjadi anutan utama sejak abad ke-5. Agama Hindu turut tersebar kemudiannya.
- Kedah mula menerima pengaruh Islam pada abad ke-12. pemerintah Kedah yang ke-9, iaitu Maharaja Derbar Raja II telah memeluk agama Islam pada tahun 1136.



- Menganut agama Buddha=penemuan arca-arca Buddha di Lembah Kinta
- Turut ditemui ialah patung Buddha Avalokitesvara di Perak bertarikh abad ke-6 hingga ke-9 M.

## Kerajaan Gangga Nagara

## 4.2 Keunikan Warisan Masyarakat

### Kerajaan Alam Melayu

#### Sistem Pemerintahan Beraja

pemilihan raja berdasarkan keturunan dan pembesar mengesahkannya

keturunan diraja dianggap suci dan berdaulat

wanita keturunan diraja boleh dilatik sebagai pemerintah-kerajaan Majapahit

raja juga dipilih dari golongan tentera- kerajaan Funan dan Champa

Pemilihan  
Raja

# Gelaran Pemerintah

Pengaruh Hindu dan Buddha memasyurkan gelaran Raja dan Maharaja

Raja di Gunung dan Maharaja di Pulau= gelaran menggambarkan kebesaran kuasa

Raja Funan, Champa, Angkor dan Srivijaya menggunakan gelaran Sanskrit "varman"- gelaran mengikut identiti dan keunikan kerajaan

## Kedudukan Raja

kedatangan Islam memperkenalkan konsep khalifah

raja dianggap sebagai titisan dewa dan mesti dihormati semasa pengaruh Hindu dan Buddha berkembang

raja-raja perlu ditaati

mengingkari raja dianggap mengingkari tuhan dan dianggap sebagai menderhaka

# Kebijaksanaan Pemerintah

**Memilih dan  
Membangunkan  
Pusat  
Pemerintahan**



Lokasi dipilih di pesisiran pantai



Lokasi di lembah sungai dan tanah yang subur



Contohnya, Gunung Jerai, menjadi mercu tanda kerajaan Kedah Tua

**Menjalankan hubungan diplomatik**



Hubungan persahabatan



Bantuan ketenteraan atau senjata



Perkahwinan

# Kegiatan Ekonomi

## Manfaatkan kesuburan tanah

- Kesuburan tanah dimanfaatkan dengan tujuan untuk menjalankan aktiviti pertanian.
- Kawasan yang terlibat terletak di lembah Sungai Mekong, Sungai Musi, Sungai Bengawan Solo dan Sungai Brantas.

## Membina Pelabuhan

- Pelabuhan-pelabuhan dibina di lokasi yang strategik.
- Di tempat yang mudah dikunjungi oleh pedagang.
- Terdapat tiga bentuk pelabuhan, iaitu pelabuhan pembekal, pelabuhan kerajaan dan pelabuhan entrepot.

## Mencipta Sistem Pengairan

- Mencipta sistem pengairan seperti baray dan sistem saliran.
- Untuk memastikan bekalan air mencukupi di kawasan pertanian.
- Tanaman seperti padi dan rempah-ratus dapat diusahakan sepanjang tahun.

# *Perkembangan Sosiobudaya*

## Sistem Tulisan dan Bahasa



Pengaruh luar diadaptasi oleh masyarakat kerajaan Alam Melayu untuk mengembangkan sistem tulisan dan bahasa tempatan.

## Persuratan



Kegiatan persuratan memperkenalkan keintelektualan masyarakat kerajaan Alam Melayu.

## Seni Bina



Aktiviti seni bina memudahkan kehidupan masyarakat dan memajukan kegiatan pertanian, pelayaran, perdagangan dan keagamaan.

## Keunikan Warisan Dalam Amalan Beragama

### Anutan pelbagai agama

Anutan pelbagai agama berlaku kerana pengamalan sikap terbuka rakyat

### Pembinaan candi besar

Pembinaan candi menjadi lambang keagungan sesebuah kerajaan

### Simbol penyatuan

Agama menyatukan golongan raja dan rakyat

### Pembinaan masjid

Sistem pendidikan Islam juga wujud melalui pembinaan masjid dan institusi pondok atau madrasah